

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk kerjasama dan fungsi antara Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Cawangan Khas, Majlis Keselamatan Negara, Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri dalam menangani ancaman keselamatan dalam negeri mengikut kategori keganasan, ketenteraman awam dan politik.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan ancaman keselamatan negara seperti ancaman keganasan, keselamatan siber, keselamatan sempadan, keselamatan maritim, ketenteraman awam dan sebagainya adalah berdasarkan kepada mekanisme di bawah Arahan-arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Arahan tersebut menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap Jabatan/Agensi dalam menangani sesuatu ancaman keselamatan. Ini termasuklah perkongsian maklumat dan perisikan serta penyediaan pelan tindakan dalam menangani ancaman tersebut.

Sekian. Terima kasih.